

07/04/2002

SM Salim raih perhatian PM

NAMPAKNYA taring penyanyi veteran, Tan Sri SM Salim masih menyengat. Ramai peminat yang ingin menyaksikan persembahan istimewanya sempena sambutan Hari RTM Ke-56 malam ini. Nisa pasti Auditorium Perdana Angkasapuri akan dipenuhi peminat. Lebih-lebih lagi dengan kehadiran Siti Nurhaliza yang diundang sebagai artis jemputan.

Bukan itu saja khabarnya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri sudah mengesahkan kehadiran mereka. Amboi... besar sungguh pengaruh Tan Sri SM Salim. Dendangannya tetap menjadi siulan dari peminat kecil hingga dewasa. Persembahan bersama Orkestra RTM malam ini juga dianggap sebagai penghormatan terhadap sumbangannya yang pernah berkhidmat di stesen berkenaan.

Antara lain, apa yang Nisa dengar Tan Sri dikatakan berbesar hati selepas menerima khabar gembira ini. Malah beliau ingin menggunakan peluang keemasan ini untuk meluahkan isi hati dan rintihannya mengenai gejala cetak rompak bagi mewakili rakan artis lain. Bersemangat sungguh beliau memperjuangkan nasib industri muzik tanah air. Jiwa kental beginilah yang kita mahu supaya industri muzik tempatan tidak terus malap. Sekurang-kurangnya Tan Sri mempunyai visi bagi mengekang gejala lanun cetak rompak. Syabas Tan Sri... kalau boleh Nisa juga tak mau ketinggalan menyaksikan kemunculannya malam nanti.

e-mel:dengarjeling@bharian.com.my

(END)